

# Alumni UMS hulur sumbangan bantu aktiviti iftar universiti

UB 31.03.2024 P.02

Oleh Vivi Olivia Najurus

**KOTA KINABALU:** Alumni Universiti Malaysia Sabah (UMS) menerusi Pertubuhan Alumni UMS menyampaikan sumbangan berjumlah RM1,000 kepada Pusat Islam UMS (PIUMS) bagi membantu aktiviti Iftar di universiti terbabit.

Sumbangan disampaikan Timbalan Presiden Pertubuhan Alumni UMS yang kini menjalankan fungsi Presiden Pertubuhan, Mohammad Pauzi Jhumat kepada wakil Pengarah PIUMS, Noorisah Taljid dalam satu acara ringkas di bangunan PIUMS.

Pertubuhan Alumni UMS dalam satu kenyataan memaklumkan sumbangan ini adalah bagi membantu pihak PIUMS dalam penyediaan juadah berbuka puasa di Masjid UMS.

“Pertubuhan Alumni UMS amat prihatin terhadap usaha PIUMS yang menyediakan juadah berbuka puasa hampir setiap hari kepada warga UMS khususnya kepada pelajar yang berada dalam kampus berkenaan.

“Justeru itu, diharapkan



**SUMBANGAN:** Pauzi (kiri) menyampaikan sumbangan kepada Noorisah.

sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan dan memudahkan urusan terbabit,” katanya.

Hadir sama dalam sesi penyerahan ialah Biro Peng-

libatan Global Alumni Suhaimie Sahabuddin, Biro Pendidikan dan Kerjaya Alumni Mohd. Syafwan Sapiee dan Setiausaha Agung Dayangku Rozlina Pg. Aliuddin.